

Tarik pelabur asing

Negara hadapi saingan sengit

MALAYSIA terpaksa bersaing sengit dengan negara-negara lain, khususnya beberapa negara Asean untuk mendapatkan pelaburan asing, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beberapa negara jiran berjaya mencapai perkembangan ekonomi yang membanggakan, terutama pembangunan perindustrian, katanya ketika berucap merasmikan kilang Matsushita Television Co (M) Sdn Bhd di Shah Alam, semalam.

Oleh itu, katanya sebarang kajian sama ada negara ini sudah menyediakan kemudahan pelaburan yang mencukupi, hendaklah mengambil kira perkembangan di negara lain, terutamanya di rantau ini.

Beliau berkata, galakan dan kemudahan cukai dan bukan cukai yang diberikan kepada pelabur asing akan diteruskan kerana ia sudah membuktikan hasil yang baik setakat ini.

"Bagaimanapun, baru-baru ini timbul pendapat bahawa kerajaan memberi kemudahan yang terlalu banyak kepada pelabur asing, sehingga mereka menganggap jika galakan itu dikurangkan sedikit, pelabur asing tetap akan menanam modal di negara kita.

"Di negara maju, bantuan modal yang besar diberi oleh kerajaan kepada syarikat asing, kebanyakannya Jepun, yang sanggup membina kilang, terutamanya di kawasan yang kurang maju dan kurang peluang pekerjaan.

"Di Malaysia, kita tidak memberi subsidi bentuk modal kepada pelabur asing. Kita hanya tidak mengutip cukai," katanya.

Menurutnya, kerajaan akan terus memberi galakan wajar kepada sektor perkilangan supaya sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat kepada kira-kira 40 peratus pada akhir abad ke-20.

Keyakinan untuk mencapai matlamat itu adalah berdasarkan beberapa perkara, antaranya asas sektor perkilangan yang terlalu berat kepada barangan elektrik dan elektronik serta tekstil sejak beberapa tahun lalu, me-

nunjukkan perluasan kepada barangan lain seperti getah, kimia dan kertas.

Di samping itu, katanya, pelaburan yang diluluskan oleh kerajaan bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini adalah kira-kira \$6,000 juta, meningkat 34 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Mengikuti perangkaan ekuiti yang diluluskan tahun lalu, 58 peratus adalah dari luar negara.

"Sektor perkilangan menyediakan peluang kerja terbanyak kepada rakyat tempatan. Sebenarnya galakan yang diberikan kepada pelabur, pada akhirnya adalah sama dengan subsidi bagi gaji pekerja.

"Jika kita tidak menyediakan galakan, disebabkan kos tenaga manusia yang lebih murah di negara jiran, mungkin pelabur asing tidak dapat ke sini, dan ramai rakyat akan menganggur.

"Jadi, anggapan bahawa kerajaan hanya memberi galakan kepada pelabur asing, adalah tidak tepat," katanya.

Mengenai kemajuan agensi awam dalam menyediakan infrastruktur dan jentera pentadbiran bagi meluluskan sebarang cadangan pelaburan, Datuk Seri Dr Mahathir berpuas hati dengan perkembangan di beberapa negeri.

Mengikuti kajian, kelulusan bagi tapak industri atau kilang amat cepat diproses di Johor, Selangor, Melaka dan Pulau Pinang.

Mengenai hubungan Malaysia dengan Jepun, beliau berkata hubungan dua hala makin meningkat, dengan Jepun kian kerap memindahkan teknologinya kepada negara ini.

"Jepun setakat ini adalah pelabur terbesar di Malaysia. Bagaimanapun, masih wujud peluang untuk meningkatkan pelaburan di sini, dan kerajaan Malaysia akan terus meningkatkan program industrinya demi kepentingan semua pihak," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, jika tidak kerana kemasukan pelabur di negara ini, kadar pengangguran akan meningkat dan tidak dapat dikawal.